

# PM bidas golongan taksab kepada pemimpin

Oleh  
**ZAHARUDDIN MD. ALI**  
dan **MAZLAN OHKOM**

KUALA TERENGGANU 8 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membidas golongan ekstrem Islam yang taksab kepada pemimpin tanpa mengira kebenaran.

Menurut Perdana Menteri, golongan ekstremis itu enggan menerima apa-apa keterangan mengenai kesalahan pemimpin atau kumpulan mereka.

Pada masa yang sama, katanya, golongan itu juga, bersedia mempertahankan pemimpin atau kumpulan mereka walaupun apa yang pemimpin mereka lakukan adalah salah dari segi ajaran agama Islam.

“Umpamanya apabila mereka menerima seseorang itu sebagai pemimpin, mereka tidak hirau sama ada pemimpin itu berbuat jahat sekalipun asalkan dia (pemimpin) itu diterima oleh kumpulan itu sebagai pemimpin mereka,” jelasnya.

Menurutnya, sebagai penganut agama Islam, perbuatan melindungi mereka yang berbuat salah tidak sepatutnya dilakukan.

Beliau berkata demiki-

an ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan dan para pemimpin masyarakat di Stadium Negeri di sini petang ini.

Sejurus selepas majlis itu, Perdana Menteri dan isteri turut berbuka puasa bersama-sama lebih 5,000 orang termasuk Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad serta ahli-ahli Exco kerajaan dan anggota komponen Barisan Nasional.

Bagaimanapun Dr. Mahathir berkata, rakyat negara ini harus bersyukur kerana bilangan golongan ekstrem tidak banyak justeru itu Malaysia mampu bergerak maju ke hadapan.

“Walaupun kita berada dalam keadaan aman, kita harus membendung kumpulan fanatik ini bagi memastikan mereka tidak berkembang.

“Jika kita terpengaruh dengan kumpulan ekstremis seumpama ini, kita juga mungkin akan terdorong melakukan perkara yang dilarang oleh agama Islam,” jelasnya.

Beliau menambah, jika perkara seperti itu berlaku, Malaysia tidak akan aman lagi dan rakyat yang berbilang bangsa akan hidup dalam ketakutan.

Menyedari hakikat ini, Perdana Menteri mengingatkan betapa pentingnya kesederhanaan demi kepentingan agama, bangsa dan negara supaya bangsa-bangsa lain tidak memandang hina terhadap umat Islam.

“Orang bukan Islam selama ini menganggap umat Islam tidak mampu mentadbir negara dan media antarabangsa sering mengutarakan keburukan negara Islam yang dilanda huru-hara,” katanya.

Menurut beliau, umat Islam di Malaysia berjaya membuktikan bahawa negara ini yang ditadbir oleh orang Islam berjaya membangun setanding dengan negara-negara maju lain.

Malaysia yang kini maju dan berpotensi untuk melangkah ke era yang lebih cemerlang adalah kerana pendekatan para pemimpin di negara ini yang mengamalkan sikap sederhana dan toleransi, jelasnya.

“Kita tidak bermusuhan dengan orang lain semata-mata kerana perbezaan pendapat, warna kulit serta agama dan kita tidak bermusuhan melainkan jika mereka memusuhi kita,” katanya.